

Newspaper	Berita Harian
Date	14 October 2015

Muhyiddin, Shafie didakwa berdolak-dalik isu SOSMA

BH - 14/10/2015

» Dua bekas anggota Kabinet sokong akta ketika dibentang

► Kota Kinabalu

Pemimpin UMNO mendakwa Timbalan Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal menukar pendirian mereka mengenai Akta Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau SOSMA.

Ketua UMNO Bahagian Penampang, Datuk John Ambrose, dipetik sebuah portal berita sebagai berkata Muhyiddin dan Shafie mungkin terluca kedua-dua mereka mengundi untuk menyokong SOSMA yang digubal di Parlimen.

"Mereka, pada masa itu, tidak menentang undang-undang berkenaan atau bersuara untuk menentanginya," lapor portal itu.

Ambrose dilapor berkata demikian selepas Muhyiddin, bekas Timbalan Perdana Menteri dan Ahli Parlimen Pagoh serta Shafie, bekas Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Ahli Parlimen Semporna, menghadiri sidang akhbar anjuran bekas Perdana Menteri,

Tun Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Sidang media itu untuk membantah penggunaan SOSMA terhadap dua individu yang didakwa atas tuduhan cuba mensabotaj perkhidmatan perbankan dan kewangan Malaysia.

Ambrose juga dilaporkan mengkritik Shafie kerana mempertikaikan syarikat pelaburan kerajaan, 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan menyatakan bahawa banyak perkara yang penting kepada rakyat masih lagi belum ditangani.

Telah diperjelaskan

Beliau berkata, Muhyiddin dan Shafie adalah anggota Kabinet Kerajaan Persekutuan sehingga Julai tahun ini dan isu 1MDB dibincangkan pada mesyuarat Kabinet.

"Jadi mereka tidak boleh kata tidak tahu. Malah, Muhyiddin mempengerusikan satu daripada mesyuarat Kabinet apabila isu 1MDB dibincangkan dan semua isu telah diperjelaskan," katanya.

Ambrose berkata, 1MDB yang melantik presiden baharu tahun ini, membentangkan program rasionalisasi dan pengurangan hutangnya kepada Kabinet pada Jun lalu, yang diluluskan Kabinet.

Tempoh enam bulan

Beliau berkata, adalah jelas 1MDB memerlukan sekurang-



Dr Mahathir bersama (dari kiri) Mohd Shafie, Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal ketika sidang media bertajuk 'PERSEKUTUAN BERKESAMAAN' semalam.

'Dr Mahathir patut hormat proses undang-undang'

Kehadiran Dr Mahathir di sidang media bertajuk 'PERSEKUTUAN BERKESAMAAN' semalam.

Abdul Rahman berkata, pendirian itu adalah wajar kerana SOSMA adalah lebih baik daripada Akta Keselamatan Dalam Regeri (ISA), di mana terdapat...

Keratan akhbar BH, semalam.

“ Pada masa itu, mereka tidak menentang undang-undang berkenaan atau bersuara untuk menentanginya”

John Ambrose, Ketua UMNO Bahagian Penampang

kurangnya enam bulan sehingga hujung tahun ini untuk menyelesaikan rasionalisasi dan pengurangan hutangnya dan Muhyiddin serta Shafie tidak menentang rancangan ini atau tidak bersetuju mengenyainya.

"Sekarang Shafie dan Muhyiddin bercakap seolah-olah mereka tidak dimaklumkan mengenai fakta berkaitan 1MDB dan tidak menjadi anggota Kabinet yang meluluskan program rasionalisasi dan pengurangan hutang," beliau dipetik sebagai berkata.

BERNAMA